



## LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

03 OKTOBER 2019

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **PEMBUANGAN HARAM SISA AIR KUMBAHAN KE DALAM SUNGAI LANGAT, KG KUALA PERDEK**

Pada 27 September 2019 (Jumaat) yang lalu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima aduan berkenaan sebuah lori yang membawa sisa kumbahan membuang sisa air najis secara haram ke dalam alur Sungai Langat, di Kampung Kuala Perdik. Ekoran kejadian ini, ia berpotensi menyebabkan Sungai Langat tercemar sekaligus mendatangkan pencemaran bau dan peningkatan Ammoniakal Nitrogen(AN).

Sejurus laporan diterima, LUAS telah mengaktifkan kod kuning berdasarkan Manual Pelan Tindakan Menangani Kecemasan Pencemaran Sumber Air berikutan kedudukan di hulu muka sauk bekalan air Loji Sungai Langat. LUAS mendapati lori tersebut telah tiada di tapak dan terdapat kesan sisa-sisa kumbahan dilepaskan dari atas tanah dan mengalir memasuki ke dalam alur. Jarak alur ke Sungai Langat adalah dalam lingkungan 20 meter. Jarak lokasi ke muka sauk Loji Pembersihan Air (LPA) Sungai Langat pula ialah 17.1 kilometer. Sekiranya terdapat aliran, jangka masa sampai ke muka sauk LPA adalah dalam tempoh 5 jam. Hasil semakan di Sungai Langat selepas Sungai Perdek (0.43 kilometer) iaitu di hilir tapak insiden mendapati tiada sebarang bau dan peningkatan AN. Laporan polis juga telah di buat di Balai Polis Seksyen 15, Shah Alam bagi tujuan siasatan lanjut.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. memaklumkan keputusan kualiti air sungai di muka sauk LPA Sungai Langat dalam keadaan baik pada ketika itu berikutnya keadaan paras sungai yang tinggi, dan ia telah dapat mencairkan kandungan Ammoniakal Nitrogen (AN) di dalam alur tersebut.

Pemantauan AN di Loji Sungai Langat pada jam 12.00 pagi (27 September 2019) menunjukkan kandungan AN rendah sekitar 0.02mg/l sahaja. Sehingga 28 September 2019 (Sabtu), kesan sisa di tanah mulai kering dan tiada bau



## **LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

yang dikesan. Keadaan alur pada pagi itu juga tiada sebarang baki sisa kumbahan. Tiada sebarang gangguan dan henti tugas LPA Sungai Langat berlaku akibat insiden ini.

Kes ini disiasat di bawah Seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999. Sehingga kini, LUAS bersama pihak terlibat dalam usaha mengenal pasti pesalah yang melakukan aktiviti yang tidak bertanggungjawab ini untuk tindakan perundangan selanjutnya.

Sekian terima kasih.

Disediakan oleh:

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**